

KERTAS KONSULTASI AWAM

CADANGAN BAGI MEMPERUNTUKKAN KUASA PENGAWALSELIAAN KEPADA SURUHANJAYA TENAGA BERHUBUNG DENGAN AKTIVITI IMPORT DAN EKSPORT TENAGA ELEKTRIK KE LUAR SEMPADAN MALAYSIA DI BAWAH AKTA BEKALAN ELEKTRIK [AKTA 447] DAN AKTA SURUHANJAYA TENAGA [AKTA 610]

Kertas Konsultasi Awam yang diterbitkan ini merupakan salah satu langkah bagi merealisasikan pindaan kepada Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447] dan Akta Suruhanjaya Tenaga [Akta 610] melalui penggubalan Rang Undang-Undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2023 dan Rang Undang-Undang Suruhanjaya Tenaga (Pindaan) 2023 bagi maksud memperuntukkan kuasa pengawalseliaan kepada Suruhanjaya Tenaga berhubung dengan aktiviti import dan eksport tenaga elektrik ke luar sempadan Malaysia di bawah Akta 447 dan Akta 610.

Salinan kertas konsultasi ini boleh dimuat turun daripada laman web rasmi Suruhanjaya Tenaga (<http://st.gov.my>). Suruhanjaya Tenaga menjemput semua pihak untuk mengemukakan maklum balas bertulis ke atas cadangan yang dibentangkan di dalam kertas konsultasi ini pada atau **sebelum jam 5.00 petang, 31 Mei 2023.**

Maklum balas yang diterima akan digunakan sebagai asas pertimbangan bagi penetapan polisi oleh Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim dalam mencadangkan suatu pengawalseliaan

diwujudkan bagi maksud mengawal selia aktiviti pengeksportan dan pengimportan tenaga elektrik ke luar sempadan Malaysia.

Dalam hal ini, pengawalseliaan tersebut dicadangkan untuk dilaksanakan oleh Suruhanjaya Tenaga bagi maksud meningkatkan aspek keselamatan dan kepentingan negara.

Maklumat berkaitan data persendirian seperti nama tidak akan didedahkan jika dinyatakan secara jelas di dalam maklum balas. Maklum balas kepada soalan, apa-apa pertanyaan dan keperluan maklumat lanjut boleh dikemukakan melalui emel urkuu@st.gov.my.

1. LATAR BELAKANG

Pihak Kerajaan telah meneliti dan telah bersetuju secara dasar dengan cadangan untuk meminda Akta 447 dan Akta 610 bagi memasukkan cadangan pindaan seperti yang berikut:

- (a) memasukkan klausa berkaitan import dan eksport tenaga elektrik ke luar negara berserta pindaan kepada peraturan-peraturan yang berkaitan; dan
- (b) memasukkan pindaan yang memberikan punca kuasa yang jelas kepada Suruhanjaya Tenaga untuk mengawal selia aktiviti import dan eksport elektrik ke luar negara.

2. PENYATAAN MASALAH/KELEMAHAN AKTA SEDIA ADA

- 2.1 Setakat ini, tiada kuasa pengawalseliaan diperuntukkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan aktiviti mengimport dan mengeksport tenaga elektrik ke luar sempadan Malaysia.
- 2.2 Ketiadaan pengawalseliaan yang khusus telah menyebabkan tiada kawalan yang boleh dilaksanakan oleh Kerajaan sekiranya mana-mana pihak menjalankan aktiviti mengeksport dan mengimport tenaga elektrik secara terus dengan negara luar. Sekiranya aktiviti ini tidak dikawal, aktiviti pengeksportan dan pengimportan tenaga elektrik tersebut boleh menyebabkan hal perkara seperti yang berikut:

- (a) tenaga elektrik yang dieksport dan diimport tersebut secara amnya boleh mempengaruhi harga pasaran elektrik di dalam negara. Sekiranya tiada kuasa pengawalseliaan diperuntukkan, harga eksport dan import tenaga elektrik tersebut boleh ditentukan sendiri oleh mana-mana pihak dan seterusnya akan bersaing dengan tarif elektrik di dalam negara yang kadarnya lebih rendah kerana ditetapkan oleh pihak Kerajaan;
- (b) terdapat potensi yang tinggi bahawa penjualan dan pembelian elektrik khususnya dalam aktiviti eksport dan import elektrik tidak dapat dikawal oleh Kerajaan dan seterusnya boleh menyebabkan mana-mana pihak akan cenderung untuk menjual kepada dan membeli elektrik daripada negara luar berbanding di dalam negara;
- (c) mana-mana pihak boleh melaksanakan aktiviti mengimport dan mengeksport elektrik secara komersial dan berasaskan keuntungan tanpa kawalan Kerajaan. Kepentingan awam boleh terjejas kerana tenaga elektrik di dalam Malaysia boleh dieksport dan diimport tanpa kawalan daripada Kerajaan;
- (d) ancaman kepada keselamatan dan kestabilan grid boleh berlaku pada masa hadapan memandangkan aktiviti mengeksport dan mengimport tenaga elektrik akan menggunakan grid nasional sedia ada yang turut digunakan untuk membekalkan elektrik kepada orang awam di dalam negara;

- (e) tiada mekanisme tertentu boleh ditetapkan oleh Kerajaan dalam mengeksport atau mengimport tenaga elektrik dan ini boleh menyebabkan mana-mana pihak boleh mengeksport atau mengimport tenaga boleh baharu yang boleh memberikan implikasi kepada Kerajaan sekiranya dilaksanakan kerana bekalan tenaga boleh baharu di dalam negara adalah tidak mencukupi;
- (f) aktiviti import dan eksport tenaga elektrik yang tidak dikawal oleh Kerajaan akan membuka ruang (*floodgates*) kepada mana-mana pihak untuk menjalankan aktiviti penjualan dan pembelian elektrik secara terus (*Third Party Access*) tanpa tatacara dan kaedah pengawalseliaan yang komprehensif oleh Kerajaan;
- (g) pelaksanaan aktiviti penjualan elektrik hanya akan menguntungkan mana-mana pihak tanpa faedah yang jelas untuk pengguna Malaysia daripada suatu perkiraan yang dibuat secara *business to business*;
- (h) Terdapat kemungkinan mana-mana pihak akan membeli secara terus daripada mana-mana pemegang lesen penjana dan membekalkan elektrik secara terus. Dalam hal ini, Malaysia berkemungkinan menghadapi kekurangan perolehan elektrik daripada pemegang lesen yang menjana elektrik susulan daripada aktiviti pembekalan dan perolehan elektrik yang dijalankan secara terus di kalangan pemegang lesen. Perkara ini boleh menyebabkan kekurangan pembekalan elektrik

bagi maksud kegunaan penduduk di dalam negara
(*reduced reserve margin*).

3. OBJEKTIF

- 3.1 Terdapat keperluan untuk pindaan Akta 447 disegerakan terutamanya bagi memperuntukkan kuasa yang jelas kepada Suruhanjaya Tenaga berhubung dengan aktiviti import dan eksport tenaga elektrik.
- 3.2 Perkara ini bagi membolehkan Suruhanjaya Tenaga melaksanakan fungsi pengawalseliaan secara optimum dan berkesan. Industri elektrik yang semakin berkembang dengan pesat dari semasa ke semasa menjadikan permintaan untuk import dan eksport elektrik semakin meningkat dan ketiadaan peruntukan undang-undang yang jelas berkenaan dengan kuasa pengawalseliaan aktiviti ini dikhuatiri akan menjejaskan kepentingan pengguna dan seterusnya menjejaskan kepentingan negara.
- 3.3 Melalui pindaan yang dicadangkan kepada Akta 447, fungsi dan tugas Suruhanjaya Tenaga dapat diwujudkan dan dinyatakan dengan lebih jelas dalam Akta 447 dan Akta 610 berhubung dengan pengawalseliaan kepada mana-mana aktiviti yang melibatkan pengeksportan dan pengimportan tenaga elektrik.
- 3.4 Dalam hal ini, Suruhanjaya Tenaga akan diberikan kuasa pengawalseliaan berhubung dengan pengeksportan dan pengimportan tenaga elektrik yang secara khususnya bertujuan

untuk meningkatkan aspek keselamatan dan menjaga kepentingan negara.

- 3.5 Dalam hal ini, aspek kestabilan dan kualiti bekalan elektrik dalam negara perlu diambil kira bagi memastikan bekalan elektrik dalam negara dan bagi kegunaan rakyat sentiasa terjamin. Sekiranya tiada pengawalseliaan, sukar bagi pihak Kerajaan mengawal dan memantau jumlah pemain industri yang terlibat dalam aktiviti pengimportan dan pengeksportan tenaga elektrik.
- 3.6 Pengawalseliaan ke atas aktiviti pengimportan dan pengeksportan elektrik adalah penting bagi memastikan penggunaan grid nasional bagi tujuan pembekalan tenaga elektrik tersebut ke luar sempadan Malaysia tidak akan menjejaskan bekalan dan kestabilan tenaga elektrik dalam negara untuk kegunaan rakyat dan industri dalam negara.
- 3.7 Bagi maksud tersebut, pindaan yang dicadangkan membolehkan Suruhanjaya Tenaga dengan kelulusan Menteri untuk mengeluarkan garis panduan bagi pengawalseliaan aktiviti mengeksport dan mengimport elektrik serta memperuntukkan kesalahan bagi mana-mana pelanggaran garis panduan tersebut.
- 3.8 Dengan pengawalseliaan yang diwujudkan oleh Kerajaan, mana-mana pihak tidak boleh menjalankan aktiviti pengeksportan dan pengimportan elektrik yang boleh menjejaskan kepentingan awam dan negara, khususnya yang boleh menjejaskan keselamatan grid dan jaminan pembekalan elektrik di dalam negara.

4. PENGGUBALAN RANG UNDANG-UNDANG BEKALAN ELEKTRIK (PINDAAN) 2023 DAN RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA TENAGA (PINDAAN) 2023

- 4.1 Bagi maksud tersebut, Suruhanjaya Tenaga telah melaksanakan penggubalan Rang Undang-Undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2023 dan Rang Undang-Undang Suruhanjaya Tenaga (Pindaan) 2023 melalui beberapa siri perbincangan dengan pihak Kementerian dan Jabatan Peguam Negara.
- 4.2 Intipati cadangan pindaan yang terkandung dalam Rang Undang-Undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2023 antaranya seperti yang berikut:
- (a) meminda seksyen 2 Akta 447 bagi memasukkan takrif baharu import dan eksport;
 - (b) meminda perenggan 4(*lc*) Akta 447 dan memasukkan suatu perenggan baharu 4(*ld*) Akta 447 bagi mengadakan fungsi dan tugas Suruhanjaya Tenaga berkenaan dengan pengeksportan dan pengimportan elektrik;
 - (c) menggantikan subseksyen 9(1) Akta 447 sedia ada bagi menyenaraikan dengan jelas aktiviti yang perlu dilesenkan di bawah Akta 447;
 - (d) memperkenalkan suatu seksyen baharu 9F ke dalam Akta 447 bagi memperuntukkan bahawa Suruhanjaya Tenaga boleh, dengan kelulusan Menteri mengeluarkan

garis panduan bagi pengawalseliaan aktiviti mengeksport dan mengimport elektrik dan juga turut memperuntukkan kesalahan bagi mana-mana pelanggaran garis panduan tersebut;

- (e) memperuntukkan cadangan pindaan berbangkit di bawah seksyen 37 Akta 447 bagi meningkatkan hukuman yang berkaitan dengan kesalahan menjalankan aktiviti yang terangkum di bawah subseksyen 9(1) Akta 447 tanpa lesen yang sah dan bagi kesalahan melanggar apa-apa terma dan syarat lesen yang telah ditetapkan.

4.3 Merujuk kepada Akta 610, Rang Undang-Undang Suruhanjaya Tenaga (Pindaan) 2023 turut digubal bagi memperuntukkan cadangan pindaan kepada seksyen 14 Akta 610 yang merujuk kepada fungsi dan tugas Suruhanjaya Tenaga. Dalam hal ini, suatu perenggan baharu 4(*na*) Akta 610 dimasukkan bagi mengadakan fungsi dan tugas Suruhanjaya Tenaga berkenaan dengan pengawalseliaan kepada aktiviti pengeksportan dan pengimportan elektrik.

5. CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

5.1 Dengan penggubalan kedua-dua Rang Undang-Undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2023 dan Rang Undang-Undang Suruhanjaya Tenaga (Pindaan) 2023 tersebut, aktiviti pengeksportan dan pengimportan elektrik ke luar sempadan Malaysia akan dapat dikawal selia oleh Suruhanjaya Tenaga selaras dengan punca kuasa yang diperuntukkan kepadanya di bawah Akta 447 kelak.

- 5.2 Intipati cadangan pindaan dalam kedua-dua Rang Undang-Undang tersebut mempunyai objektif yang jelas iaitu memperuntukkan kuasa pengawalseliaan kepada Suruhanjaya Tenaga berhubung dengan pengeksportan dan pengimportan tenaga elektrik yang secara khususnya bertujuan untuk meningkatkan aspek keselamatan dan kepentingan negara.
- 5.3 Intipati Rang Undang-Undang turut memperuntukkan cadangan pindaan bagi maksud menambahbaik peruntukan Akta 447 sedia ada dan hukuman bagi kesalahan di bawah Akta 447 selaras dengan perkembangan industri elektrik yang pesat dan membangun dari semasa ke semasa.
- 5.4 Cadangan pindaan ini adalah selaras dengan aspirasi negara untuk menjadi ekonomi yang berpendapatan tinggi dan berdaya saing serta mewujudkan persekitaran kawal selia yang baik ke arah membina sebuah ekonomi yang dapat menarik pelaburan dan memudahkan perniagaan.
- 5.5 Dalam memastikan penggubalan undang-undang dilaksanakan secara telus dan bagi memastikan kepentingan Kerajaan sentiasa terpelihara, dasar bagi kedua-dua Rang Undang-Undang tersebut telah diperhalusi dan mengambil kira alternatif terbaik berdasarkan penilaian impak kos dan faedah di samping telah mengambil kira pandangan daripada pelbagai pihak khususnya pihak yang berkepentingan.

6. SOALAN DAN MAKLUM BALAS

- 6.1 Pada pandangan anda, bagaimana kaedah yang berkesan untuk mengawal selia aktiviti pengeksportan dan pengimportan tenaga elektrik yang dijalankan oleh pemain industri?
- 6.2 Bagaimanakah cara untuk memastikan aktiviti pengeksportan dan pengimportan elektrik ke luar negara tidak akan menjejaskan pembekalan elektrik di dalam negara?
- 6.3 Adakah aktiviti untuk mengeksport dan mengimport tenaga elektrik wajar dijalankan mengikut kaedah yang ditentukan sendiri oleh pemain industri?
- 6.4 Adakah harga penjualan dan pembelian elektrik wajar ditentukan sendiri oleh pemain industri tanpa campur tangan Kerajaan dan berasaskan harga pasaran?
- 6.5 Adakah wajar untuk tenaga elektrik yang dijana di dalam Malaysia dieksport ke luar negara atau diimport ke dalam negara tanpa kawalan daripada mana-mana pihak khususnya Kerajaan?
- 6.6 Adakah wajar pengawalseliaan diwujudkan bagi maksud mengawal selia pemain industri yang ingin menjalankan aktiviti import dan eksport tenaga elektrik ke luar sempadan Malaysia?
- 6.7 Adakah kaedah pelesenan merupakan kaedah terbaik dalam mengawal selia pemain industri yang ingin menjalankan aktiviti eksport dan import tenaga elektrik?

- 6.8 Adakah penglibatan pihak Kerajaan dalam menentukan mekanisme pengeksporan dan pengimportan tenaga elektrik dilihat sebagai langkah terbaik dalam mengawal aktiviti tersebut bagi maksud memberikan jaminan kepada keselamatan dan kestabilan grid elektrik di Malaysia?
- 6.9 Apakah langkah penambahbaikan atau inisiatif lain yang boleh dilaksanakan (sekiranya ada) bagi memastikan aktiviti pengeksporan dan pengimportan tenaga elektrik ke luar sempadan Malaysia dapat dikawal selia dengan baik? Berikan contoh atau cadangan (jika ada).
- 6.10 Pada pandangan anda, adakah industri tenaga khususnya industri tenaga elektrik dan infrastruktur sedia ada di Malaysia ini bersedia dan berkemampuan untuk melaksanakan/ menjalankan aktiviti pengimportan dan pengeksporan tenaga elektrik luar sempadan dengan berkesan? Mengapa?
-

-TAMAT-